

Dr. Mahathir disarankan jawat Menteri Kewangan

UM - 4 JUN 2001

KUALA LUMPUR 3 Jun — Kongres Profesional Muslim Malaysia berharap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri akan menjawat jawatan Menteri Kewangan, kata presidennya, Datuk Mohd. Radzi Abd. Latif hari ini.

Katanya, tidak seperti Daim yang sememangnya diketahui tidak cenderung menawarkan diri untuk jawatan-jawatan tertinggi dalam UMNO, tokoh-tokoh lain terdedah kepada kecenderungan menggunakan jawatan itu untuk meluaskan pengaruh dan kedudukan politik masing-masing.

“Tokoh-tokoh lain berkemungkinan terdedah kepada tekanan dan desakan daripada kalangan pemegang-pemegang jawatan dalam UMNO untuk mendapatkan projek-projek tender dan lesen yang mana sering kali tekanan dan desakan itu diiringi dengan ugutan jual beli undi di musim pemilihan,” ujarnya.

Katanya, sebagai juara antipolitik wang dalam UMNO, Dr. Mahathir merupakan tokoh yang sesuai pada masa ini memandangkan beliau sebagai penjawat tertinggi dalam parti boleh mengukuhkan iltizam beliau bagi menangkisnya.

Mohd. Radzi berkata demikian sebagai mengulas keputusan Daim untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan semalam.

Dalam suratnya kepada Perdana Menteri, Daim, 63, dilaporkan tidak memberi sebab bagi peletakan jawatan itu dan dipercayai turut melepaskan lain-lain jawatan iaitu Menteri Tugas-Tugas Khas, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Pengerusi Bersama Lembaga Pembangunan Langkawi.

Bagaimanapun kedudukannya sebagai Bendahari Agung UMNO sehingga semalam masih samar.